



Bimbo

Rin Ahmad

Download now

Read Online →

Bimbo

Rin Ahmad

Bimbo Rin Ahmad

BIMBO

Harga: RM23.00

muka surat: 584

Dalam hidup Elsuraya, hanya seorang lelaki yang dinantikannya. Bukan bakal kekasih, jauh sekali bakal suami. Tetapi, seorang lelaki yang menyebabkan nyawa keluarganya diragut kejam. Dia ralat kerana tidak dapat bersama dengan keluarganya dan memegang status anak yatim piatu kerana lelaki itu. Siapakah lelaki itu sebenarnya? Azad? Ya ke?

“Astalavista loozzer! With double o and double z.”

Adakah kerana kata-kata yang dilontarkan bertahun dulu membuat jiwanya sentiasa parah dan terluka? Ingin sungguh dia bertemu dengan empunya suara jelik itu agar dendamnya terlunas.

Perkenalan Elsuraya dengan Dani Ikram membuahkan bibit cinta. SMS menjadi titik awal hubungan yang indah itu.

Dah gugel douchebag. Kejamnya. Do I deserve that? – Dani Ikram.

Do I deserve bimbo?- Elsuraya.

Tanpa disangka... Azad yang dibenci ialah sahabat baik Dani Ikram. Dan Azad pula... tidak sanggup memberitahu Elsuraya perkara sebenar kerana sayangkan persahabatannya dengan Dani Ikram. Dia rela dituduh ‘pembunuh’ walaupun hakikatnya insan lain yang menyebabkan tragedi hitam itu berlaku. Sementelah, hatinya sudah jatuh sayang pada Elsuraya. Dia tidak sanggup melihat sahabat baiknya dan wanita yang mula mengetuk pintu hatinya menderita.

Keadaan semakin rumit bila keluarga cuba menjodohkan Elsuraya dengan Azad. Apatah lagi mereka sangat rapat dengan arwah ibu dan bapa Elsuraya. Serasa mereka bertanggungjawab untuk menjaga dan melindungi Elsuraya.

“Su tak nak! Su benci Azad. Apa auntie merepek ni? Su takkan bertunang dengan dia.” – Elsuraya.

“Su, cuba tengok lagi jauh. Umur Su makin meningkat. Su perlukan orang untuk jaga Su. Keluarga Azad cukup baik dan mampu jaga Su macam anak sendiri dan Azad sendiri tak kurang apa pun. Lainlah kalau Su ada calon lain. Auntie tak akan paksa.” - Puan Rosanna.

Namun, Dani Ikram lebih pantas mendahului. Elsuraya cepat-cepat diikat agar tidak terlepas ke tangan Azad. Azad pula tarik diri demi kebahagiaan Dani Ikram dan Elsuraya.

Saat hubungan sedang memekar, sebuah kebenaran terbongkar! Ayat ‘astalavista loozzer...with double o and double z’ yang diungkapkan oleh Dani Ikram ketika mereka outstation di Seoul, Korea membuka mata hati Elsuraya. Ayat itu! Ayat yang membuatkan kedua-dua orang tuanya maut dalam kemalangan jalan raya.

“All along. It is you. All along. It is a lie.” – Elsuraya.

“Listen.” – Dani Ikram.

“Truth... that night, it was you! You were the one.” – Elsuraya.

Hati Elsuraya mula berbelah bahagi. Cintanya pada Dani Ikram dan dendamnya pada Dani Ikram. Dapatkah dia memaafkan lelaki itu sedangkan dendamnya masih membara? Dapatkah dia reda dengan ketentuan Ilahi sekiranya lelaki itulah jodoh untuknya yang telah tertulis di lohmahfuz? Kuatkah dia berperang dengan perasaannya sendiri? Semuanya bakal terjawab dalam BIMBO.

“Miss Bimbo versus Mister Douchebag.”

“Fantasi versus Realiti.”

Bimbo Details

Date : Published January 2015 by Kaki Novel

ISBN :

Author : Rin Ahmad

Format : Paperback 570 pages

Genre :

 [Download Bimbo ...pdf](#)

 [Read Online Bimbo ...pdf](#)

Download and Read Free Online Bimbo Rin Ahmad

From Reader Review Bimbo for online ebook

nilam says

mula2 tau pasal BIMBO..apa tu bimbo?? bila dah baca baru ku tau..satu ayat yg kejam utk seorg perempuan..

tp dari ayat tersebutlah perkenalan Dani n Elsuraya bermula. mmg Dani bila dah suka..terus propose..x heran lah walaupun kat kedai mamak..disebabkan El yg mengatakan ada super someone yg nk masuk meminang..terus Dani terjah dulu rumah mak saudara El..tp x sngka rupanya super someone tu bff Dani si Azad..

dan bermulanya kisah antara Dani-Elsuraya-Azad dan rahsia yg terselindung..

rasa sedih sgt bila Dani kena Belly Presly..nama penyakit mcm comel..tp boleh ubah muka mcm alien..dah lah time tu rahsia tu dah terbocor..dgn nk hadapi kemarahan El lg..tp rasanya kalau xde penyakit ni..Dani dah berjaya dah pujuk El...tp terpaksa Dani berdiam diri selama setahun..

setrusnya baca lah sendiri..tp mmg kesian2 kat dlm watak cte ni..kejam kesian kat El..lps tu kesian kat Dani..lps tu kesian kat El balik..haha..

Farah Husain says

terlalu awal untuk review memandangkan ramai yang belum dapat. cuma yang boleh saya katakan...buku ni berjaya hentikan "kemarau" baca novel melayu saya (without skipping a page!) pencapaian besar tahun 2014. heh!

oh... for me personally, this is her best work so far. congrats Rin.

fizzrosie_ says

wohaa start Bimbo from 630pm until 1230am semata mata penangan kerana penangan karya baru Rin Ahmad ni ..hasilnya memang langsung tak mengecewakan .

kisah mengenai Elsuraya anak yatim piatu setelah kematian ibubapanya akibat kemalangan .
astalavista loozer! with double o and double z !

kerana kata kata itula bertahun tahun kot Elsuraya mendendami Azad diatas kesalahan org lain yakni si Dani .

Dah gugel douchebag. kejamnya .Do I deserve that? - Dani Ikram
Do I deserve bimbo? - Elsuraya

hahaha permulaan perkenalan dimulai dgn masing2 ade nama gelaran :p sinis beb
lama lama perasan cinta berputik sampai si Dani ishh tak romantik langsung kot hadiahkan washlet kat El .
tetapi kerana kelainan Dani itula yang membuatkan hati El tertarik sehingga dia menolak Azad yang pada mulanya dipersalahkan atas kemalangan yg menimpa keluarganya .
kata Azad - Su , if only you knew . You will laugh little and weep much .(if you choose Dani). .

babak2 yg menggamit perasaan saya :

- waktu di Korea ketika rahsia Dani terbongkar , tatkala mereka berdua bermain game Truth or Dare . sewel, ,naughty and lastly sedih gila kot bila El tahu perkara sebenar waktu ni
- waktu di Brunei hehe so sweet main teka teka sambil buang pakaian erk hahaha utk yg berkahwin saja yea .
- paling sedih saat kembali ke KL after honeymoon , mereka dapat berita sedih bapa Dani heart attack , dan Dani menyalahkan El sbb lmbt dpt tau berita ni siap Dani jerit kuat kt El dan kata you're such a bimbo . sentap mak oii .

walaupun begitu dun worry happy ending yea :)
puas hati sgt .

I luv u rin ahmad ♥

Ras says

Saya baca BIMBO terlebih dahulu kemudian ARLUNA. Oh, rupanya penulis ini memang suka dengan teknik 'flashback'.

Bila kita buat pelaburan pastinya kita mahukan pulangan. Makanya buku ini merupakan pelaburan yang tidak merugikan saya kerana banyak maklumat yang saya boleh perolehi terutamanya penyakit yang dihadapi Dani. Pertama kali tahu ada penyakit begitu. Benarlah kata orang membaca jambatan ilmu.

Tahniah penulis dan terima kasih atas apa jua ilmu dan maklumat yang telah dikongsi melalui BIMBO.

Hajar says

Buku kedua yang buat saya sayang nak habiskan baca tahun ni. And kudos untuk diri sendiri sebab tak selak belakang sebelum baca. :P

20-01-2015

Bertahun-tahun Elsuraya menyimpan dendam terhadap Azad yang kononnya jadi penyebab kematian kedua orang tuanya.

Kata Azad, *"Su, if only you knew. You will laugh little and weep much."*

Sebenarnya Azad bukanlah lelaki yang sepatutnya didendami Elsuraya, sebaliknya Dani Ikram (Dani) , lelaki yang dicintainya sepenuh hati. Biar pun perkenalan mereka bermula dengan kisah *Bimbo - Mr. Douchebag*, Elsuraya senang berhubungan dengan Dani. Namun bila kebenaran terbentang di depan mata, mampukah Elsuraya mempertahankan rasa dalam hatinya atau tunduk kepada dendam yang dipendam sekian lama?

Komen saya:

1. Mula-mula saya memang rasa perwatakan Elsuraya ni agak kebudakan. Ialah, mana tidaknya. Simpan dendam bertahun-tahun bila jumpa Azad dia cuma mampu calarkan kereta kesayangan Azad je? *Like seriously???* Haha. Tapi sebenarnya kalau kita mampu selami apa yang nak disampaikan, dendam kesumat tak bawa kita ke mana pun. Bila kebenaran terbukti, Elsuraya cuba sebaik mungkin untuk memaafkan dan melupakan. Biar pun kesabaran teruji sewaktu pemergian ayah mertuanya, Elsuraya masih mampu dan setia berdiri di sisi suami. Tabik!
2. Dani Ikram memang bermulut 'longkang'. Kepantangannya adalah perempuan gedik yang mahu menempel di sisinya. Siapa sangka Elsuraya yang digelarnya *Bimbo* mampu meruntuhkan tembok hatinya yang selama ini kukuh berdiri? Lebih memeritkan bila ada sejarah pahit yang mungkin memisahkan mereka bila kebenaran terbongkar. Bila diuji dengan penyakit, Dani lebih banyak bermuhasabah diri untuk jadi insan lebih baik. Terkesan dengan kata-kata ni : orang yang baik, objektifnya nak jadi lagi beriman. Orang beriman, objektifnya nak masuk syurga. Ingat mudah? Ingat semua orang yang nampak baik tu beriman? *Dush!*
3. Kesian juga dengan Azad. Cuma tahap kesiannya tak sampai macam tahap kesian kat Tengku Akbar la.. Ahaks. Tapi nak puji dia juga sebab dia rela di'kambinghitam'kan atas kesalahan orang lain. Semangat setiakawan punya fasal, sanggup jadi kambing hitam. Fuh, mujur ketemu juga kebahagiaan sendiri. :)
4. Kali ni macam banyak *pulak cameo* watak-watak yang dikenali yang pastinya bakal mengubati kerinduan. ;)
5. Dah lama tak rasa perasaan macam ni bila membaca - rasa tenang dan tak rasa nak habiskan cepat-cepat. :) Terima kasih + tahniah buat penulis. *Your writing skills really improved*. Kudos! Kena bertabah tunggu sampai tahun depanla gamaknya utk *next book*. ;)

P/s: Lepas ni baru nak baca Arluna. :P

Harnani Husin says

yes with double Y and double S kih kih kih ...terpengaruh sudah ayat Dani Ikram....
TAHNIAH buat Rin Ahmad....BEST BIMBO with double B and double T ;)...

Nak jadi orang baik mudah
Nak jadi orang beriman bukan mudah

Ya inilah yang disampaikan dalam naskah BIMBO oleh penulis.

Dani Ikram dan Elsuraya kisah hidup mereka sentiasa berkait dengan kisah silam. Hanya dengan perkataan "Astalavista lozzeer!With double o and double z". Itu ayat yang takkan dilupakan oleh Elsuraya sampai bila-bila dan malangnya Azad yang menjadi mangsa.

Siapa sangka pertemuan pertama Dani Ikram dan Elsuraya dekat Tasik Titiwangsa hanya dengan perkataan Bimbo membawa mereka kepertemuan seterusnya. Dimana syarikat yang Elsuraya bekerja, membuat kerjasama dengan syarikat Dani Ikram bekerja. Disini la hubungan mereka semakin akrab bilamana Dani dah mula dengan fasa pertama jatuh cinta pandang pertama pada Elsuraya. Macam-macam ayat 'gula-gula' Dani guna untuk ikat Elsuraya ke fasa ke dua iaitu bertunang.

Tapi malangnya untuk ke fasa ketiga hubungan mereka menjadi macam ada yang tak kena bila rahsia

terbongkar.

-apa yang terjadi?

-siapa Azad?

-siapa yang tuturkan kata yang mengguris hati Elsuraya?

-adakah Dani si Mister Douchebag menjadi pilihan Elsuraya si Miss Bimbo atau Azad?

Memaafkan bukan mudah.

Memaafkan perlukan kekuatan.

Memaafkan adalah sebuah pencarian.

Miss Bimbo versus Mister Douchebag.

Fantasi versus Realiti.

bacalah kisah dalam buku ni...saya rekomen...

lagi satu watak cemeo yang ada cukup membuatkan kita ingat pada mereka. Sambungan watak Lidya dalam Untuk Semua Dosaku cukup puas hati. Tapi bila Lidya ceritakan balik tentang Durrah dan Darling..saya takkan lupa sampai sekarang tentang kejadian tu yang buat saya rasa sebak sangat.

terima kasih buat penulis untuk:-

- bell pasly sbb baru tahu apa dia penyakit ni

-tempat-tempat perangan yang menarik sehingga buat saya rasa macam saya pun melancong sama..Suka cerita kat Brunei yg melaksanakan hukum hudud.

-paling best bila cerita Mekkah dan Jeddah...seronoknya...doakan saya juga akan sampai sana suatu hari nanti

-bagi motivasi, pada saya

Harap ada lagi karya Rin Ahmad dimasa hadapan. Selamat maju jaya buat penulis.

Madam Lola says

bahan bacaan yang amat dekat di hati. Dani yang terlajak sempoi, El yang terlebih beku. berbeza dengan lambakan novel dipasaran, kalo sesiapa Cari kisah anak pemilik syarikat yg harta ribu riban... kereta mewah berbondong- bondong... dalam Bimbo ni tak Ada ya. Naa...

kisah bagaimana cinta bertukar benci. marah bertukar rindu. kisah tentang orang kebanyakan...kisah yang mungkin sering Kali terjadi di kalangan kita. untung ml membaca bimbo Kali ni sebab... sama dengan musim haji.. bertambah pulak keinginan yg satu ITU turut mahu serta.

kurangnya bimbo PD Mata ml.... pendek. x puas rasanya menhayati erti memaafkan.. erti sabar... erti kejujuran dalam bimbo... skill flash back langsung x ganggu gugat perjalanan bimbo. rasanya ASD dulu terngadah sikit kot. tapi Kali INI tak... Dan ngan malunya ML mengaku ML suka pada Dani ...

penceritaan Dan pengajaran yg RA Cuba sampaikan, seiring. mmg x rasa macam... novellah sangat... tetiba pulak rasa macam nak jadi elsuraya....

hemmmmm.....

rate:5

Mai says

4.5*(Sebab Dani)

Secara keseluruhan kisah ini mmg sgt mendera emosi adakalanya rasa nak baca perlahan-lahan biar lambat abis dan ada masa tak dapat nak menahan diri dari menyelak terus ke muka surat akhir,tapi no point sbb kena selak balik ke bab sebelumnya.Rasa mcm menyusun kepingan2 puzzle je.

Kisah yg memberi rasa insaf dan rasanya diri sendiri pun perlu menjawab soalan-soalan yg ditulis di dalam diari Dani itu ermmm....

TBC

P/S susah nak letak komen kalau buku yg best sgt tak reti nak luahkan apa yg dirasa padahal bykkkkk sgt idea dlm kepala ni

kuzzeen says

Kerana BIMBO... aku terpaksa me-rating-kan semula Untuk Semua Dosaku.

Kerana BIMBO... ku merating atas dasar perbandingan dengan karya2 RA (USD, GET, Arluna)... dan USD masih diatas.

Aku hanya tertangkap dengan BIMBO pada separuh masa kedua. Ketika Dani disahkan mengidap Bell's Palsy serentak bila Elsuraya mengetahui penutur sebenar "..... with double oo dan double zz".

Juga ketika Elsuraya dilemparkan tuduhan sengaja menyembunyikan Wassap notifikasi bapa Dani yang ketika itu sedang tenat. Tuduhan yang menyebabkan Elsuraya dipinggirkan suami sendiri selama 2 bulan.

Cuma.... kali ini pemecahan pentas plot Brunei-Malaysia-Jeddah yang dijadikan Brunei-Jeddah-Malaysia agak 'terbabas'. (for me)... plot di Malaysia ketika seluruh keluarga menyalahkan Elsuraya kerana Dani tidak berkesempatan berjumpa dengan arwah ayahnya kali terakhir adalah kemuncak untuk BIMBO. Bak kata Dani... *"El, kisah di Manjung dulu dan kisah hari ini. Kosong-kosong. We are even. We are evil in fact"*.

Dan ketika Azad bersemuka dengan Dani sejurus selepas itu *"Sia-sia aku lepaskan Elsuraya kalau kau tak percayakan dia..... Betul aku cakap. Kalau Su pilih kau, she will definitely laugh little and weep much."*

Itulah kemuncak kepada segala dendam Elsuraya kepada si double oo and double zz ditambah lagi bila mengetahui mertuanya lah yang melanggar kereta ibu-bapanya pada malam kejadian.

Sayang sekali...

CP;

I vote for Lisa-Azri over Dani-Elsuraya....muktamad.

;)

Zairaidah Abu Hassan says

Elsuraya memilih untuk berdendam dan juga memilih untuk tidak memaafkan yang pastinya tak akan menguntungkan sesiapa. Bertahun lamanya malah ianya memakan diri sendiri. Dendam kepada orang yang salah. Jatuh cinta pada orang yang salah. Takdir seolah-olah telah menentukan jodoh Elsuraya dan Dani.

Ternyata bukan salah sesiapa tetapi Elsuraya memilih untuk sandarkan kesalahan itu ke atas orang lain. Yang betulnya dia susah nak terima takdir dan keraskan hati untuk memberi kemaafan. Dani yang yakin dengan pilihan hati sesekali tak akan melepaskan Elsuraya. Masa yang menjadikan seseorang itu matang. Bell's Palsy yang menjadi penyumbang keyakinan Dani untuk meneruskan hidup dan juga rahsia untuk Elsuraya simpan sebagai bekalan keyakinan untuk suami.

Be grateful and be better

Aima says

cerita pasal Bells Palsy sangat dekat di hati.. masih teringat bila ayah disahkan kena Bells Palsy.. cuma yang nasib baik, hanya mata yang effect. bahagian muka yang lain ok. sekarang pn, ayah masih pergi buat fisioterapi.

thumbs up RIN AHMAD..

Cik Pah says

1. What do you think about all day?
2. What occupies your mind most of the day?
3. What do you think about while praying?
4. What is distracting you while praying?
5. What is the first thing you think about when you wake up in the morning?
6. What is the last thing you think about when you sleep?
7. What keeps you awake at night?
8. What makes you cry?
9. What are you most afraid of losing?
10. What makes you most angry?
11. What causes you the most pain in your life?

Jawapan jujur Dani Ikram dalam buku cacatan dia buat Cik Pah mengalirkan air mata dalam tak sedar. Sakit fizikal dan sakit emosi yang dia alami serentak bukan calang2 tanpa iman yang kuat. Muka hensem habis herot macam alien penangan Bells Palsy. Dia beruntung disaat Allah uji dia dengan sakit itu Dani dikelilingi ahli keluarga yang supportive. Namun untuk dipadam api dendam yang membara di hati Elsuraya bukan mudah. Hanya masa yang diberi untuk mendewasakan orang yang dicintainya menerima takdir menjadi yatim piatu pada usia remaja.

Bukan dia lelaki yang tidak bertanggungjawab tapi kisah sebenar disebalik kematian ibu bapa Elsuraya tiada langsung dalam radar pengetahuan Dani. Insiden kemalangan ini turut menjadi teka teki sepanjang pembacaan. Buat Cik Pah berdebar2 nak tahu kisah disebaliknya. Yang tahu Azad adalah lelaki yang Elsuraya cukup benci dan dendamnya bertahun-tahun tak padam. Namun jika Azad tak bersalah tapi Dani yang patut dipersalahkan, adakah dendam akan terlerai dilautan kasih?

El : Jangan cepat sangat

Dani : Jangan serius sangat

El : Jangan yakin sangat

Dani : Jangan jual mahal sangat

El : I'm a bimbo. Remember?

Dani : I love bimbo

If you dont want to be forgotten as soon as you are dead, either write things that are worth reading or do things that are worth writing - Benjamin Franklin

I don't need a girlfriend. That was before. I need a girlfriend. This is now. I found one. I drew my heart next to her name.

Itu sebab lambang love dilukis di pelan Elsuraya buat si gadis hangin satu badan. Stage 1 yang berkelajuan 300km/jam

Ya tayyiba Ya tayyiba terngiang-ngiang ditelinga. Alhamdulillah. Rasa bertuah pernah menjejakkan kaki ke tanah haram dan insya Allah akan mengunjungnya kembali. Sebuah kisah penuh falsafah hidup untuk direnung dan diulang baca :)

KL-Manjung-Teluk Batik-Damai Laut-Jepun-Seoul-Brunei-Jeddah-Mekkah-Madinah-Dubai

If we are capable to love unconditionally, we are able to live happily and with grateful.

JJCM RA buat bertambah lah list makanan yang Cik Pah nak cuba, punah program diet atkins ku, cheat day tak habis-habis. Kata Mai, Cik Pah boleh pusing keliling apartment 8 kali. Kata Cik Pah, kipas angin saja yang berpusing okey. ;P

Tamat pada jam 11.59 pm

Nonie?serenity2bliss says

Announcement before review: N nak jual buku ni for RM14. Pada sesiapa yang berminat, boleh lar PM :-)

Anyone can recommend novel which Rin Ahmad's novel should I read next?

First time baca novel Rin Ahmad. Now I understand why she has many devoted followers. Walaupun jalan ceritanya agak sempoi, pengisiannya padat. Tak perlu tulis beribu-ribu muka surat, tapi pelbagai rasa semuanya ada. Boleh dikatakan, cukup serba-serbi.

Apa yang boleh diperbaiki adalah penggunaan ayat-ayat Bahasa Inggeris yang agak mengelirukan. I had to read the same sentence two or three times to understand apa yang cuba disampaikan. Mungkin the choice of word tu kurang sesuai.

Zuha Adnan says

what makes a bimbo... a bimbo?

saya suka bimbo!

Banyak benda yang selalu buat recently appear dlm bimbo.

? Cthnya atkin diet... woha!

? Kemudian baru terbaca pasal pangram tetiba ada jugak dalam bimbo. Ayat yg sama pulak tu. Kagum betul!

>the quick brown fox jumps over a lazy dog

?Rupanya kebas2 muka tu nama dia bell's palsy. Selama ni tgk patient yang ada sakit saraf tu just ingat sakit saraf biasa... x tau istilah perubatan sebenarnya.

?Rasa nak pergi mekah secepat mungkin after baca penceritaan ibadah umrah dani & el. Tapi... sbb takde mahram, kiv dulu.

? pentingnya pengurusan sewerage demi menyelamatkan ikan haruan! epic sungguh. ini serius lawak.

bagi saya, kisah bimbo adalah ringkas seringkas tajuk yang mempunyai 5 abjad. tapi penceritaan yang padat dengan isi membuatkan ceritanya penuh dengan keterujaan. once u flip, u nak flip lagi utk tahu ending.

bimbo akan ajar kita apa itu forgive and forget. bimbo juga akan memberi sedikit selingan apa itu saham bagi setiap tindakan yang diambil. sbg contoh apa yg dani alami menerusi penulisan jurnal harian beliau.

for lovely birds... before kahwin... fikirla: are we really capable of loving unconditionally? jawapan takde dalam bimbo tapi cara nak justify, mungkin boleh faham selepas baca bimbo.

last but not least... tagline si dani,

?? you have to be cruel to be kind.

for me, the tagline ajar kita utk lebih baik bersikap jujur dan berterus terang walaupun pahit utk diterima. efek dia ada pada semua stakeholders apabila kita buat satu2 tindakan.

done my review. sorry for bahasa rojak. I do enjoy my reading. harap2 ramai yang dapatkan naskhah ni. byk input boleh dapat. kalau I tulis semua kat sini, nnt mcm x thrill pulak.

happy reading.

p/s: tahniah and thank you rin ahmad sebab tulis novel yang terbaik ini.

mRs bOo ^_^ says

ok daku xtido lgsg mmg harus kerja esok mata sembab gila..
start 23pm the end 5.01am
penangan BIMBO tak boleh berhenti baca
selepas usd MB rasa ini karya yg terbaik RA
ramai dah rate berbintang2 n riview yg woww..
tipu la kalo MB kata tak terganggu dgn penggunaan bahasa inggeris dlm BIMBO ni
melambatkan cikit pembacaan MB hehehe
tapi mmg best mcm2 MB jumpa dalam ni
part apa yg dani alamai BP tu serius
mmg tabik spring2 la kat RA
